



جابتن حال إحوال إكعام إسلام قولوا قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**SEMARAKKAN ZAKAT,
ASNAF DISANTUNI**



Tarikh Bacaan:
12 DISEMBER 2025M / 21 JAMADIL AKHIR 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Semarakkan Zakat, Asnaf Disantuni

12 Disember 2025M/ 21 Jamadil Akhir 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُرْحَمُونَ ﴿١٣﴾ سورة الحجرات

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ
تُفْلِحُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib bepesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Mudah-mudahan, manifestasi ketaatan dan ketaqwaan kita kepada Allah SWT serta kecintaan yang menggunung tinggi terhadap junjungan besar Nabi Muhammad SAW, segala bala dan ujian yang diberikan pada waktu ini segera diangkat oleh Allah SWT.

Sebelum melanjutkan bicara, izinkan khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan seketika perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang boleh memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Semarakkan Zakat, Asnaf Disantuni”**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya zakat adalah rukun ketiga dalam Islam selepas solat, sebagaimana hadis daripada Umar رضي الله عنهما Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ: شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ، وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ، وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Islam dibina di atas lima perkara, iaitu: bersaksi bahawa sesungguhnya tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu ialah utusan Allah; mendirikan solat; menunaikan zakat; mengerjakan haji; dan berpuasa pada bulan Ramadan.”*

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Zakat bukan sekadar ibadah berbentuk kewangan, tetapi tanggungjawab sosial dan ekonomi yang menjadi nadi kepada kekuatan ummah. Ia memupuk kasih sayang, menghapus jurang antara kaya dan miskin, serta menjadi benteng daripada sifat bakhil dan tamak.

SIDANG MUSLIMIN,

Di negeri kita, Pulau Pinang, urusan zakat diurus secara profesional dan beramanah oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) melalui Zakat MAINPP. Institusi ini bukan sekadar mengutip zakat, tetapi mengagihkannya kepada pelbagai golongan asnaf iaitu fakir, miskin, mualaf, pelajar, usahawan kecil, mereka yang diuji dengan musibah dan lain-lain.

Setiap ringgit yang dizakatkan menjadi sumber pembangunan ummah. Antaranya menyediakan bantuan perubatan, pendidikan dan perumahan kepada yang memerlukan serta membiayai pelajar asnaf ke universiti dalam dan luar negara. Selain itu, zakat juga menyokong usahawan Muslim untuk keluar daripada kemiskinan dan membantu mereka yang baru memeluk agama Islam. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam Surah at-Taubah ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا ... ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah sebahagian daripada harta mereka sebagai sedekah (zakat) untuk membersihkan dan menyucikan mereka dengannya”.

SAUDARA-SAUDARAKU SEIMAN,

Ramai dalam kalangan kita bekerja keras mencari rezeki, namun lupa bahawa zakat adalah pembersih kepada harta dan pengundang keberkatan. Zakat bukan mengurangkan, tetapi menambah rezeki.

Sebagaimana sabda Rasulullah *صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ*:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ

Maksudnya: “Harta tidak akan berkurang kerana sedekah.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, marilah kita sama-sama bermuhasabah; sudahkah kita menunaikan zakat pendapatan, zakat simpanan, zakat emas, zakat perniagaan dan lain-lain yang wajib? Apatah lagi kita berada di hujung tahun ini untuk mendapatkan potongan cukai pendapatan. Maka bolehlah mengambil kesempatan untuk melunaskan zakat dengan segera.

Namun masih ada segelintir umat Islam di Pulau Pinang yang belum menunaikan zakat walaupun cukup syarat dan haulnya. Ini adalah satu kecuiaan dalam amanah agama dan pengkhianatan terhadap hak asnaf. Ada juga yang terpengaruh dengan dakwah dan persepsi negatif terhadap institusi zakat, kononnya zakat disalurkan kepada orang bukan Islam. Ini merupakan satu fitnah yang cuba mencemari kredibiliti institusi zakat.

Maka bersegeralah bagi mereka yang telah mencukupi nisab dan haul ke atas harta yang diperolehi untuk menunaikan kewajipan berzakat kepada Zakat MAINPP. Zakat MAINPP telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk pembayaran zakat, antaranya melalui perkhidmatan kaunter di setiap daerah, kaunter bergerak, potongan zakat secara bulanan, wakil kutipan zakat dan pelbagai perkhidmatan atas talian.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan yang telah disediakan, tiada alasan bagi umat Islam melengah-lengahkan untuk berzakat apatah lagi tidak melaksanakannya. Semoga dengan terbitnya kesedaran untuk

berzakat, mudah-mudahan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** akan mensucikan dan membuahakan keberkatan pada harta yang kita peroleh.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Bayangkan seorang anak yatim yang menunggu sedikit bantuan untuk makan, seorang ibu tunggal yang menanggung beban keluarga, seorang fakir yang menunggu bantuan untuk menunaikan keperluan asasnya, seorang pelajar yang mendambakan biasiswa untuk meneruskan pengajiannya dan mualaf yang terpisah dengan keluarganya. Ingat, setiap sen zakat yang kita tunaikan, bukan sahaja memberikan kegembiraan kepada mereka, bahkan ia mendatangkan rezeki kepada kita, juga menjadi penyambung kasih sayang sesama manusia dan pahala di sisi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Firman-Nya dalam Surah at-

Taubat ayat 34:

... **وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾**

Maksudnya: "...dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya".

Maka janganlah kita menjadi antara golongan yang lalai. Tunaikan zakat dengan segera melalui saluran yang sah iaitu zakat MAINPP, agar harta kita bersoh dan negeri kita diberkati.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, dirumuskan beberapa *taujihah* dan nasihat yang perlu dihayati bersama seperti berikut:

Pertama: Umat Islam hendaklah menunaikan ibadah zakat apabila mencukupi nisab dan haul terhadap sesuatu harta yang diperolehi.

Kedua: Melalui amalan berzakat, Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* akan mengurniakan lebih banyak rezeki dan membersihkan dosa pembayar zakat.

Ketiga: Pengurusan zakat yang sistematik akan memberikan manfaat kepada asnaf zakat sekaligus meningkatkan kepercayaan masyarakat untuk membayar zakat kepada Zakat MAINPP.

Marilah kita memperkukuh keimanan dengan menunaikan tanggungjawab zakat. Jadikan pembayaran zakat satu gaya hidup beriman dan berihsan. Galakkan keluarga dan rakan kita untuk bersama-sama menunaikannya. Ingatlah, setiap zakat yang dibayar, Allah ganti dengan keberkatan dalam rezeki, ketenangan dalam hati, dan kesejahteraan dalam masyarakat.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali -'Imran ayat 92;

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (*hakikat*) *Kebajikan dan kebaktian (yang sempurna)* sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2025M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan bahawa pekerja, peniaga dan usahawan Islam yang bekerja dan menjalankan perniagaan di negeri Pulau Pinang adalah diwajibkan membayar zakat kepada Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَبَارِكْ وَسَلِّمْ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطَيْنِ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا خُصُوصًا وَوِلَايَةَ قُؤْلَاوِ فَيَنْغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقِ قَادَتَنَا وَرُؤْعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِيْنِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِيْنَ صَالِحِيْنَ مُصْلِحِيْنَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعِيَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَيَّ صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah, berilah kekuatan kepada kami untuk menunaikan zakat serta melaksanakan wakaf melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang agar ia menjadi sumber kebaikan dan kemajuan umat Islam di negeri yang tercinta ini.

Ya Allah, satukanlah hati-hati kami, tanamkanlah rasa percaya kepada pemimpin kami dan jauhkanlah kami daripada fitnah serta perpecahan. Rahmatilah para pemimpin dan pihak berkuasa agama agar sentiasa Engkau bimbing di atas jalan yang benar.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG